

Bersih 2.0: Tiada undang-undang larang terima dana asing
Free Malaysia Today
Nov 7, 2016

Gabungan reformasi pilihan raya juga berkata siasatan ke atas pertubuhan yang menerima dana asing adalah di luar batas kuasa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia.

PETALING JAYA: Tiada undang-undang yang melarang menerima dana asing tetapi kerajaan sanggup bertindak di luar batas kuasa terhadap NGO dan portal media yang “tidak bersetuju dengan mereka”.

Jawatankuasa pemandu Bersih 2.0 berkata demikian menjawab siasatan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) ke atas Bersih dan Malaysiakini, berhubung sumbangan daripada Open Society Foundation (OSF) yang dikaitkan kepada hartawan George Soros.

Gabungan itu menyifatkan kesungguhan kerajaan sebagai “pilih kasih”.

“Apabila tuduhan yang sama telah dibuat terhadap “Malaysian Official 1” yang menerima ‘derma’ dan menyalahgunakan dana awam dalam jumlah yang cukup besar, menteri-menteri yang sama bergesa-gesa mempertahankannya.

“Tetapi apabila wujud dakwaan dana asing untuk NGO dan portal berita, menteri-menteri yang sama bertindak mengutuk dana asing untuk NGO dan portal berita,” kata Bersih 2.0 dalam satu kenyataan petang tadi.

Gabungan itu menegaskan tiada peruntukan dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 memberi kuasa kepada SKMM untuk menjalankan siasatan ke atas mereka.

Selain Bersih dan Malaysia, badan peninjau pendapat awam Merdeka Centre turut disiasat SKMM berhubung penerima dana daripada OSF.

“Bersih 2.0 kecewa kerana menteri-menteri yang sepatutnya meneraju negara ini tidak memahami undang-undang dan perlembagaan dan bertindak di luar batas mereka,” kata kenyataan itu.

Polis turut menyiasat Bersih, Malaysiakini dan Badan Peguam Malaysia di bawah Seksyen 124C Kanun Keseksaan iaitu cubaan untuk melakukan aktiviti yang memudaratkan demokrasi berparlimen.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/2016/11/07/bersih-2-0-tiada-undang-undang-larang-terima-dana-asing/>